

25 OCT 2000

Abdullah-Ezam

PENGAKUAN EZAM HINA DR MAHATHIR AKAN DIHALUSI, KATA ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 25 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata pengakuan Ketua Pemuda Parti Keadilan Nasional Mohamad Ezam Mohd Noor bahawa dia menghina Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di luar negara akan dihalusi dan jika didapati melanggar undang-undang, tindakan akan diambil.

"Jika dia langgar undang-undang, kita akan kenakan tindakan. Kalau tidak, kita akan anggap ia sebagai politik dia semata-mata," kata timbalan Perdana Menteri kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Umno di sini hari ini.

Sebuah akhbar hari ini melaporkan bahawa Ezam mengaku secara terbuka bahawa dia terlibat dalam gerakan memburukkan Perdana Menteri di Amerika Syarikat dan Eropah. Malahan, dia dilaporkan telah mencabar pihak berkuasa supaya mengambil tindakan terhadapnya.

Abdullah yang juga Timbalan Presiden Umno berkata buat masa ini pihak polis sedang menyiasat perkara itu.

"Tak kena langsung bagi kita menghina pemimpin di luar negara. Nak berpolitik datanglah berpolitik dalam negeri.

"Kalau rakyat sokong, menang, maka dapatlah tubuh kerajaan. Mengapa nak mengemis sokongan luar?" katanya.

Abdullah berkata tindakan Ezam itu mencerminkan politik parti Keadilan lemah sehingga memerlukan mencari sokongan luar.

Yang turut hadir pada mesyuarat itu ialah dua Naib Presiden Umno iaitu Datuk Seri Najib Tun Razak dan Tan Sri Muhyiddin Yassin, Setiausaha Agung Tan Sri Khalil Yaakob dan Ketua Wanita Umno Datuk Seri Rafidah Aziz.

Muhyiddin berkata perbuatan Ezam itu jelas menunjukkan matlamat perjuangan sempit parti Keadilan iaitu untuk menumbangkan kerajaan tanpa menghiraukan bahawa tindakan itu boleh merosakkan negara dan menyusahkan rakyat.

"Ini tindakan yang tidak bertanggungjawab," katanya.

Ezam dalam satu kenyataan hari ini mengaku bahawa dalam ucapannya pada beberapa seminar di luar negara baru-baru ini, dia telah mendedahkan apa yang disifatkannya pelbagai kepincangan dan kezaliman kerajaan.

"Di setiap peluang yang ada, saya menjelaskan secara terperinci bagaimana buruknya kerajaan pimpinan Mahathir Mohamad," katanya.

Bagaimanapun, beliau menolak tanggapan kononnya wujud satu gerakan yang dirancang oleh parti Keadilan untuk memburuk-burukkan Perdana Menteri.

Ianya bukan satu gerakan seperti yang digembar-gemburkan oleh akhbar berkenaan, katanya.

-- BERNAMA

ERE AHH MAI